

Contoh Soalan KBAT: Esei


Kaji Sumber A dan B. Kemudian jawab soalan berikut.

Berikut ialah petikan ucapan seorang pemimpin negara:

Selaku pemimpin tertinggi kerajaan negara ini, saya dengan ini mengumumkan bahawa kami akan menjalankan ujian nuklear tidak lama lagi. Kami tidak akan memberitahu maklumat selanjutnya untuk melindungi rahsia ketenteraan dan pertahanan negara. Kami sedar ujian nuklear akan menimbulkan ketidakpuashatian beberapa buah negara terutamanya negara jiran. Akan tetapi, kami akan tetap meneruskan projek ini kerana...

Sumber A

Gambarajah berikut menunjukkan empat jenis ujian nuklear, iaitu (1) Ujian nuklear atmosfera, (2) Ujian nuklear bawah tanah (3) Ujian nuklear angkasa lepas (4) Ujian nuklear dasar laut



Sumber B

http://en.wikipedia.org/wiki/Nuclear_weapons_testing

Pada pendapat anda, wajarkah tindakan negara tersebut menjalankan ujian nuklear? Huraikan **tiga** alasan anda. (10 markah)

Rangka jawapan untuk respon “Tidak Wajar”

Tidak wajar.

Nilai-nilai yang sesuai untuk dikaitkan dengan jawapan:

1. Menyayangi dan menghargai alam sekitar
2. Keharmonian antara manusia dengan alam sekitar
3. Kemapanan alam sekitar
4. Peka terhadap isu-isu alam sekitar
5. Hidup bersama secara aman
6. Saling menghormati antara negara
7. Rasional
8. Bertanggungjawab

F1: ujian nuklear merosakkan alam sekeliling...

- zarah radioaktif membinasakan flora dan fauna...
- sinaran radioaktif memusnahkan ekosistem/habitat...

F2: ujian nuklear boleh memusnahkan harta benda...

- letupan nuklear lebih kuat daripada bom atom di Hiroshima semasa Perang Dunia Kedua...

- berkemungkinan berlaku kemalangan yang tidak dijangka semasa menjalankan ujian...

F3: kehilangan nyawa manusia/benda hidup...

- kesan nuklear mengakibatkan kanser/bayi cacat dilahirkan...
- bahan kimia yang boleh menjejaskan kesihatan...

F4: ujian nuklear mengakibatkan manusia hidup menderita...

- kehilangan orang tersayang/peningkatan suhu persekitaran...
- sisa radioaktif mengakibatkan keracunan/perubahan iklim

F5: hubungan diplomatik/antara negara terjejas...

- perselisihan faham/konflik/peperangan wujud...
- perasaan syak wasangka akan timbul/keselamatan serantau terancam...

Rangka jawapan untuk respon “Wajar”

Wajar

Nilai-nilai yang sesuai untuk dikaitkan dengan jawapan:

1. Saling menghormati antara negara
2. Cinta akan negara
3. Rasional
4. Bertanggungjawab

F1: ujian nuklear adalah urusan dalaman negara sendiri...

- tidak perlu campur tangan negara lain / tidak perlu menjalankan rundingan dengan negara lain...
- jika perlu mendapatkan kebenaran negara lain, maka hilanglah kedaulatan negara...

F2: Setiap negara berhak mempertahankan keselamatan sendiri dengan senjata nuklear...

- Jika negara besar ada senjata nuklear, negara kecil pun ada hak memiliki...
- Tanpa senjata nuklear, negara mungkin diancam / dibulu / diceroboh / ditawan oleh negara lain...

F3: Teknologi nuklear dapat memajukan negara...

- Pembangunan nuklear membekalkan peluang pekerjaan...
- Jualan senjata nuklear merupakan sumber pendapatan negara...

F4: Ujian nuklear tidak semestinya mengganggu kehidupan manusia...

- Negara tersebut telah membuat perancangan rapi / persediaan menghadapi bencana...
- Ujian nuklear dijalankan di tempat terpencil...